

02/04/2001

MIC bincang perkemas program bantu penduduk miskin

SUNGAI SIPUT, Ahad - MIC akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi menetap serta memperkemas program membantu penduduk termiskin India dan Melayu di bandar termasuk kawasan tercetusnya pergaduhan di Jalan Klang Lama untuk meningkatkan taraf hidup serta mengatasi masalah sosial.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, beliau sendiri akan menemui menteri berkenaan, Datuk Azmi Khalid termasuk memperluaskan Program Pemulihan Sikap Keluarga Termiskin (PPSKT) bagi meningkatkan potensi diri melalui pinjaman perniagaan kecil-kecilan.

"Ada cadangan mengadakan program seperti ini di Kampung Medan, tetapi perlu sedikit pindaan dasar di kementerian kerana semuanya (program sedia ada) hanya untuk menggalakkan penduduk termiskin di luar bandar meningkatkan taraf hidup mereka.

"Saya akan bincang dengan Datuk Azmi untuk menetapkan rancangan membantu golongan miskin sedia ada di bandar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan PPSKT bagi kawasan Parlimen Sungai Siput yang membabitkan lebih 500 penduduk khususnya wanita keluarga termiskin di Dewan Majlis daerah Kuala Kangsar, di sini hari ini.

Program itu anjuran KPLB dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia (LPPKN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, beliau semalam turut membangkitkan usaha membantu penduduk miskin dan termiskin yang kebanyakannya tinggal di kawasan setinggan di bandar besar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, perkara sama turut diutarakan ke Kabinet minggu lalu supaya kerajaan mengambil perhatian isu kemiskinan dalam bandar.

Katanya, penduduk luar bandar yang datang ke bandar menjadi mangsa keadaan dan terpaksa menginap di kawasan rumah panjang dan setinggan yang akhirnya hilang nilai kebudayaan serta anak bercampur dengan anasir jahat kerana ibubapa sibuk mencari rezeki.

"Kabinet pun terima ini. Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) nyatakan perkara ini sedang diambil perhatian.

"Ini khususnya berkenaan Kampung Ghandi, Kampung Medan, Kampung Lindungan dan Kampung Penaga Jaya.

"Semuanya terdapat sembilan kampung mengandungi 1,900 orang Melayu, 1,700 orang India dan 20 keluarga sahaja masyarakat Cina.

"Ini nampaknya ramai penduduk Melayu dan India berkumpul, mereka tidak berminat berbuat apa-apa sebab duduk di rumah setinggan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, G Palanivel berkata, kementeriannya yang mula mengambil alih tugas membantu penduduk miskin di bandar dua tahun lalu, akan membuka beberapa lagi Pusat Rahmat bagi membantu golongan berkenaan.

Menurutnya, satu Pusat Rahmat baru akan dibuka di sekitar Jalan Klang Lama.

(END)